

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Rabu, 24 Julai 2024



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
PEMBENTUKAN MODAL TETAP KASAR 2023**

Pembentukan Modal Tetap Kasar mencatatkan RM314.5 bilion dan bertumbuh pada 5.5 peratus pada tahun 2023

PUTRAJAYA, 24 JULAI 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengeluarkan statistik Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) untuk tahun 2023. PMTK Malaysia mencatatkan nilai sebanyak RM314.5 bilion pada harga malar pada tahun 2023 berbanding RM298.2 bilion pada tahun 2022. Gabungan tekanan ekonomi global, penyesuaian dasar dalam negara, cabaran sektor yang khusus, dan keadaan kewangan telah memberi kesan signifikan terhadap pertumbuhan sederhana PMTK di Malaysia pada tahun 2023.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, "PMTK kekal sebagai komponen kedua terbesar dalam KDNK dengan sumbangan sebanyak 20.1 peratus daripada jumlah ekonomi keseluruhan. PMTK bertumbuh 5.5 peratus pada tahun 2023 berbanding 6.8 peratus pada tahun sebelumnya.

Mengulas lanjut mengenai prestasi PMTK mengikut jenis aktiviti ekonomi, beliau menyatakan bahawa, "Kesemua aktiviti utama menunjukkan peningkatan pada tahun 2023, terutamanya pelaburan dalam aset tetap aktiviti Perkhidmatan dan Pembuatan. Prestasi memberangsangkan dalam aktiviti Perkhidmatan didorong oleh sub aktiviti Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi dan Perdagangan borong dan runcit, yang meningkat masing-masing sebanyak 9.9 peratus dan 8.9 peratus pada tahun 2023."

Sementara itu, aktiviti Pembuatan bertumbuh sebanyak 5.5 peratus (2022: 10.0%) pada tahun 2023. Pertumbuhan sederhana ini dipengaruhi oleh Makanan, minuman dan

tembakau sebanyak 8.9 peratus (2022: 14.7%), Produk elektrik, elektronik & optikal dan peralatan pengangkutan sebanyak 6.8 peratus (2022: 9.3%) dan Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 4.5 peratus (2022: 8.7%).

PMTK bagi aktiviti Perlombongan & pengkuarian meningkat sebanyak 2.9 peratus pada tahun 2023 berbanding dengan 1.8 peratus pada tahun 2022. Aktiviti Pertanian bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.4 peratus (2022: 1.1%) pada tahun 2023. Pertumbuhan marginal ini dipengaruhi penyusutan dalam sub aktiviti Getah dan kelapa sawit 5.4 peratus (2022: -4.3%). Tambahan pula, aktiviti Pembinaan menyederhana kepada 2.7 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya.

Struktur merupakan penyumbang terbesar bagi PMTK mengikut jenis aset iaitu 50.1 peratus (2022: 49.8%), diikuti oleh Peralatan ICT dan lain-lain jentera & peralatan dengan sumbangan 28.6 peratus (2022: 28.3%), sementara Produk harta intelek menyumbang 12.8 peratus (2022: 13.3%). PMTK mengikut sektor didominasi oleh sektor Swasta (sumbangan 77.2%) bertumbuh sederhana 4.6 peratus (2022: 7.2%), manakala sektor Awam (sumbangan: 22.8%) berkembang kepada 8.6 peratus berbanding 5.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Aktiviti Perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada PMTK sektor Swasta yang menyumbang sebanyak 63.9 peratus berbanding 63.6 peratus pada tahun 2022. Ini diikuti oleh aktiviti Pembuatan yang menyumbang 23.0 peratus. Sementara itu, aktiviti lain menyumbang 13.1 peratus daripada jumlah PMTK sektor Swasta."

PMTK sektor Awam diterajui oleh aktiviti Perkhidmatan, dengan sumbangan sebanyak 80.5 peratus, diikuti oleh aktiviti Perlombongan & pengkuarian (9.9%) dan Pembuatan (8.8%).

Perbandingan dengan negara-negara di rantau ASEAN, sebahagian daripadanya mencatatkan pertumbuhan PMTK yang lebih baik, terutamanya Indonesia dan Singapura, masing-masing mencatatkan 7.6 peratus dan 4.9 peratus. Selain itu, pelaburan dalam aset tetap di Thailand mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 1.4 peratus berbanding 6.7 peratus pada tahun 2022.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 JULAI 2024**

LAMPIRAN

Carta 1: PMTK – Nilai dan Perubahan Peratusan Tahunan 2019-2023



Carta 2: PMTK- Peratus sumbangan mengikut jenis aset 2022-2023



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, 24th July 2024



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
GROSS FIXED CAPITAL FORMATION 2023**

Gross Fixed Capital Formation recorded RM314.5 billion and grew by 5.5 per cent in 2023

PUTRAJAYA, 24 JULY 2024 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the statistics of Malaysia's Gross Fixed Capital Formation (GFCF) for 2023. Malaysia's GFCF recorded a value of RM314.5 billion at constant prices in 2023 as compared to RM298.2 billion in 2022. The combination of global economic pressures, domestic policy adjustments, sector-specific challenges, and financial conditions has significantly contributed to the moderate growth in Gross Fixed Capital Formation (GFCF) growth in Malaysia in 2023.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, “GFCF remained the second largest component of GDP with a share of 20.1 per cent of the total economy. GFCF grew 5.5 per cent in 2023 as compared to 6.8 per cent in the previous year.

Commenting further the performance of GFCF by kind of economic activity, he mentioned that, “All major activities showed an improvement in 2023, especially investment in fixed assets in the Services and Manufacturing activities. The strong performance of the Services activity was driven by Transport & storage and information & communications and Wholesale and retail trade sub-activities, which increased by 9.9 per cent and 8.9 per cent, respectively in 2023.”

Meanwhile, the Manufacturing activity grew at 5.5 per cent (2022: 10.0%) in 2023. The moderate growth was influenced by Food, beverages and tobacco at 8.9 per cent (2022: 14.7%), Electrical, electronic & optical products and transport equipment at 6.8 per cent (2022: 9.3%) and Petroleum, chemical, rubber and plastic products at

4.5 per cent (2022: 8.7%).

The GFCF for the Mining & quarrying activity grew at 2.9 per cent in 2023 as compared to 1.8 per cent in 2022. The Agriculture activity grew at a slower pace of 0.4 per cent (2022: 1.1%) in 2023. The marginal growth was influenced by the decrease of Rubber and oil palm sub-activity at 5.4 per cent (2022: -4.3%). Additionally, the Construction activity moderated to 2.7 per cent as compared to 3.4 per cent in the previous year.

The Structure was the largest contributor for GFCF by type of assets, accounting for 50.1 per cent (2022: 49.8%), followed by ICT equipment and other machinery & equipment, with a contribution of 28.6 per cent (2022: 28.3%), while Intellectual property products contributed 12.8 per cent (2022: 13.3%). The GFCF by sector was dominated by Private sector (share: 77.2%), grew modestly by 4.6 per cent (2022: 7.2%), while Public sector (share: 22.8%) expanded to 8.6 per cent as compared to 5.3 per cent in the preceding year.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The Services activity was the major contributors to the GFCF of the Private sector which contributed of 63.9 per cent as compared to 63.6 per cent in 2022. This was followed by Manufacturing activity which contributed 23.0 per cent. Meanwhile, other activities accounted for 13.1 per cent of the total GFCF of the Private sector."

The GFCF of the Public sector was led by Services activity, with a contribution of 80.5 per cent followed by Mining & quarrying (9.9%) and Manufacturing (8.8%) activities.

Comparing with countries in the ASEAN region, some of them registered the modest performance in GFCF, especially for Indonesia and Singapore, which recorded 7.6 per cent and 4.9 per cent respectively. In addition, fixed asset investment in Thailand experienced a slower growth of 1.4 per cent as compared to 6.7 per cent in 2022.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24 JULY 2024**

APPENDIX

Chart 1: GFCF – Value and Annual Percentage Change, 2019-2023




Chart 2: GFCF - Percentage share by Type of assets, 2022-2023

